

Majlis Penyerahan Poster 'NDA' / No Drugs At All



Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan menyampaikan poster 'NDA' kepada Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman.



Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman menyampaikan poster 'NDA' kepada seorang wakil pengedar poster tersebut.

No Drugs At All 'NDA' adalah slogan atau mesej yang ingin disampaikan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) kepada seluruh lapisan masyarakat di negara ini agar menghindari dadah.

Bagi merealisasikan kempen ini pelbagai usaha berterusan pihak BKN bagi memberigakannya termasuk penerbitan poster 'NDA' yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan.

Pada 10 Jun, BKN dengan kerjasama Jabatan Penerangan telah melancarkan Majlis Penyerahan Poster berkenaan yang berlangsung di Pejabat BKN, Kampong Tungku Gadong.

Hadir di majlis tersebut Pengarah BKN, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman selaku tetamu kehormat majlis; Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; Pemangku Timbalan Pengarah BKN, Awg Hj Jasmin bin Hj Jamudin; wakil-wakil dari Jabatan

Bandaran Bandar Seri Begawan; wakil-wakil dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan; pegawai-pegawai BKN dan Jabatan Penerangan serta pihak media.

Sebanyak 6,000 keping poster 'NDA' telah dicetak.

Dalam menjalankan kempen ini, pihak BKN dibantu oleh pelbagai agensi kerajaan termasuk Jabatan Penerangan, Jabatan Bandaran dan juga pihak Jabatan Sekolah-Sekolah.

Jabatan Bandaran akan membantu mengedarkan sebanyak 1,000 keping poster 'NDA' ini seluruh premis perniagaan, kedai-kedai serta

toko-toko yang berada di kawasan Bandaran agar ianya dapat dilihat oleh orang awam.

Manakala pihak Jabatan Sekolah-Sekolah pula dihasratkan membantu membahagikan sebanyak 1,000 keping ke seluruh sekolah-sekolah menengah dan 1,000 keping ke seluruh sekolah rendah yang berada di bawah pemantauan jabatan ini.

Dengan yang demikian ianya dapat dilihat oleh golongan pelajar serta warga sekolah yang lain, sekali gus boleh membuka minda semua pelajar betapa pentingnya kehidupan yang sihat dan akal yang cerdas tanpa pengaruh dadah.

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>
E-mail: pelita.brunei@information.gov.bn
Keluarnya setiap 2 kali seminggu (Rabu dan Sabtu).



Dr. Haji Muhammad Hadi semasa menyaksikan pameran poster 'NDA' di Majlis Pelancaran Poster tersebut.

Sidang Redaksi

Penasihat

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

Ahli Sidang Pengarang

Norah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aidah Hidop
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman
Hajah Norpisah Md. Salleh
Nor Ajijah Mohammad
Asnah Diwa
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md. Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd. Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi
&

Audio Visual

Bahagian Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris

&

Media IT

Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad

Reka Letak

Hajah Apsah Haji Sahdan

Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Seperi biasanya pada setiap bulan Jabatan Penerangan melaksanakan pelbagai aktiviti sama ada projek-projek bahagian mahupun projek yang dilaksanakan bersama agensi-agensi kerajaan yang lain.

Warta Penerangan pada bulan ini menyiarkan penglibatan pegawai dan kakitangan semasa menyertai Mini Pameran bersempena Majlis Pelancaran Pelan Strategik E-Kerajaan 2009 - 2014. Pelbagai aktiviti telah diatur seperti pameran produk-produk online dan aktiviti sampingan seperti Treasure Hunt, Peraduan Kuiz, Meneka Jumlah Disket, Peraduan Mewarna dan lain-lain. Sememangnya komitmen dan kerjasama semua adalah sangat-sangat dihargai kerana melalui semangat setia kawan, setiap kerja yang diamankan insya-Allah akan beroleh kejayaan.

Sesuai dengan fungsi jabatan dalam memberigakan aktiviti-aktiviti negara, bulan ini jabatan melaksanakan program kempen mengibarkan bendera negara di keempat-empat daerah. Projek yang julung-julung kali diadakan ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran betapa pentingnya setiap rakyat dan penduduk di negara ini mengibarkan bendera negara semasa acara-acara kebesaran negara. Setentunya projek ini akan terus kitani laksanakan di masa-masa akan datang.

Di dalam kesibukan ini, jabatan juga dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik telah menerbit dan melancarkan Poster 'NDA' (No Drugs At All). Poster-poster tersebut dihasratkan untuk diagih-agihkan kepada seluruh lapisan masyarakat dalam usaha untuk menyampaikan 'message' agar menghindari dadah. Jabatan sememangnya sentiasa memberikan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam sama-sama menyebarkan maklumat-maklumat kepada orang awam dan seluruh rakyat serta penduduk di negara ini.

Apa yang penting semua warga Penerangan telah memberikan kerjasama yang padu dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan. Kitani ingin terus melihat semua warga akan terus berganding bahu dalam sama-sama merealisasikan visi dan misi jabatan.

Wassalam.

DR. HAJI MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG
Pengarah Penerangan

Isi Kandungan

- Majlis Penyerahan Poster 'NDA' / No Drugs At All **1**
- Lawatan Sambil Belajar Dari Jabatan Mufti Kerajaan
- Program Bedudun Pengarah Penerangan Ke Mukim Peramu
- Program Sua Muka Pengarah Penerangan Dengan Penduduk Mukim Lamunin, Daerah Tutong **3**
- Pelancaran Pelan Strategik E-Kerajaan 2009-2014
- Penyampaian Hadiah Acara-acara Sampingan Pameran Pelan Strategik E-Kerajaan 2009 **4-5**
- Jadual Program Mengibar Bendera **6**
- MRO Bertugas
- Selamat Hari Lahir
- Kenaikan Pangkat **7**
- Aksi-aksi Sepanjang Pameran Pelancaran Pelan Strategik E-Kerajaan 2009 - 2014 **8**

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2381997

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Lawatan Sambil Belajar Dari Jabatan Mufti Kerajaan

Seramai 10 orang pegawai dan kakitangan dari Jabatan Mufti Kerajaan telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan pada 16 Jun. Rombongan diketuai oleh Ustaz Haji Awang Mohd Sofian bin Awang Tengah, Pegawai Penyelidik Ugama.

Antara atur cara yang disusun pada lawatan tersebut ialah mendengar taklimat yang disampaikan oleh Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan dan juga Ketua Bahagian Pelita Brunei mengenai Pelita Brunei dan Pelita Online. Dalam taklimat itu, beliau menceritakan sejarah awal mula Pelita Brunei diterbitkan sejak tahun 1956, yang kini usianya telah menjangkau lebih setengah abad.

Bagi memperluaskan landasan dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat dan penduduk di negara ini, Pelita Brunei kini menerbitkan edisinya dua kali seminggu iaitu pada hari Rabu dan Sabtu dengan jumlah cetakan 16,000 naskah dalam 24 muka surat setiap keluaran. Di samping itu ianya juga boleh dibaca secara online dengan melayari www.pelitabrunei.gov.bn.



Rombongan dibawa melawat ke Bahagian Pelita Brunei, mereka diberikan taklimat mengenai terbitan Pelita Brunei dan pengendalian Pelita Online.

Rombongan juga berpeluang beramah mesra bersama Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan pegawai-pegawai kanan. Sesi tersebut tidak disia-siakan begitu saja, di mana banyak kemusykilan mengenai fatwa telah dikemukakan kepada rombongan berkenaan.

Sebelum mengakhiri lawatan,

rombongan juga dibawa meninjau secara lebih dekat ke Unit Produksi dan Unit Pelita Online, untuk melihat sendiri bagaimana para pegawai dan kakitangan unit tersebut mengendalikan kerja mereka dalam menghasilkan Pelita Brunei dan Pelita Online.

Program Bedudun Pengarah Penerangan Ke Mukim Peramu



Program Bedudun Pengarah Penerangan Ke Mukim Peramu, Daerah Brunei dan Muara telah berlangsung di Surau Kampong Peramu pada 6 Jun. Antara yang turut hadir semasa program tersebut ialah para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Program Sua Muka Pengarah Penerangan Dengan Penduduk Mukim Lamunin, Daerah Tutong



Rombongan Jabatan Penerangan bersama Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampong Layong dan Penghulu Mukim Lamunin, Daerah Tutong.

Pelancaran Pelan Strategik E-Kerajaan 2009-2014

Jabatan Penerangan pada 30 Mei telah menyertai mini pameran bersempena Majlis Pelancaran Pelan Strategik E-Kerajaan 2009-2014 bertempat di Rizqun International Hotel, The Mall Gadong.

Hadir menyempurnakan majlis pelancaran dan mini pameran tersebut ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Eussoff Agaki bin Haji Ismail, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Sebanyak lapan buah agensi

kerajaan menyertai mini pameran berkenaan. Di mini pameran tersebut, jabatan telah mempamerkan produk-produk online iaitu Pelita Brunei, Infofoto dan Diari Harian Brunei Darussalam (Brunei Diary).

Antara yang hadir ialah Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan; Awang Azman bin Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan selaku Ketua Bahagian Pameran dan beberapa orang pegawai dari Bahagian Pelita

Brunei, Berita Inggeris & Media IT dan Fotografi & Audio Visual.

Sebanyak 14 buah agensi kerajaan dan dua agensi swasta menyertai pameran yang mengetengahkan perkhidmatan-perkhidmatan masing-masing untuk orang ramai.

Berikutan pameran bertemakan Gov.bn Laluan Perkhidmatan Awda kelolaan Jabatan Perdana Menteri itu beberapa siri jerayawara e-kerajaan juga akan dilaratkan ke daerah-daerah lain.



Pameran produk-produk online Pelita Brunei, Infofoto dan Diari Harian Brunei Darussalam (Brunei Diary) mendapat sambutan yang membanggakan, dimeriahkan lagi dengan acara-acara sampingan.



Peraduan Meneka Jumlah Disket menerima penyertaan yang hangat.



Peraduan Mewarna adalah aktiviti sampingan yang sentiasa mendapat sambutan dari pengunjung kanak-kanak sepanjang pameran tersebut.

Pameran Sempena Pelancaran Pelan Strategik E-Kerajaan 2009-2014

Bersempena dengan Pelancaran Pelan Strategik E-Kerajaan 2009-2014 yang telah lalu, satu siri pameran (roadshow) bagi Daerah Brunei dan Muara telah diadakan di ruang legar The Mall, Gadong pada 12-14 Jun.

Pameran yang bertemakan Gov.bn Laluan Perkhidmatan Awda itu telah disertai oleh 14 buah agensi kerajaan dan dua buah agensi swasta. Pameran dirasmikan oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Eussoff Agaki bin Haji Ismail, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pameran dari setiap agensi antara lain mengetengahkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan kepentingan pengguna. Jabatan Penerangan adalah antara agensi yang menyertai pameran tersebut. Produk-produk yang dipamerkan ialah Pelita Online, Infofoto, Diari Harian Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Daily Diary)

dan laman web rasmi jabatan.

Selain menyertai pameran, jabatan selaku ahli Jawatankuasa Acara Sampingan bagi pameran berkenaan juga telah mengadakan pelbagai acara sampingan. Acara-acara yang diadakan ialah Peraduan Mewarna terbuka kepada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah; Kuiz; Meneka Jumlah Disket dan Peraduan Mencari Harta Karun (Treasure Hunt) yang terbahagi kepada dua kategori, media dan orang ramai.

Acara-acara sampingan tersebut telah berjaya menarik minat para pengunjung pameran. Peraduan paling popular ialah Meneka Jumlah Disket yang telah menerima lebih daripada 5,000 penyertaan.

Siri pameran (roadshow) sempena pelancaran Pelan Strategik E-Kerajaan 2009-2014 ini juga akan dilaratkan ke daerah-daerah lain.

Penghantaran Hadiah Acara-acara Sampingan Pameran Pelancaran Pelan Strategik E-Kerajaan 2009-2014



Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan, menyampaikan hadiah kepada Pemenang Peraduan Kuiz.



Isteri Pengarah Penerangan, menyampaikan hadiah kepada salah seorang Pemenang Treasure Hunt (pengunjung).



Awang Azman bin Haji Abd Rahim, Ketua Bahagian Pameran, menyampaikan hadiah kepada salah seorang Pemenang Treasure Hunt (media).



Salah seorang Pemenang Peraduan Mewarna bagi kanak-kanak menerima hadiah dari Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, Ketua Bahagian Berita Ingeris dan Media IT.



Para wakil media yang ikut serta dalam Treasure Hunt (media), bergambar ramai bersama Ketua Bahagian Pameran, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim.



Pemenang-pemenang Peraduan Kuiz bergambar kenangan bersama Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.



Pemenang-pemenang Peraduan 'Meneka Jumlah Disket' bergambar kenangan bersama Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.



Para peserta Treasure Hunt (pengunjung) bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan dan isteri.

Gambar sumbangan: Haji Masrin bin Baharin, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa
Ismale Haji Abd Rahman, Bahagian Perhubungan Awam
Dk. Nor'asrinawati Pg. Hj. Kamaruddin, Bahagian Berita Ingeris & Media IT

Jadual Program Mengibar Bendera

Program Mengibar Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-63, pengibaran bendera ke daerah-daerah dilaksanakan mengikut jadual seperti berikut:

- 17 Jun ke Mukim Kiudang, Tutong.
- 20 Jun ke Mukim Seria, Kuala Belait.
- 23 Jun ke Mukim Peramu, Daerah Brunei - Muara.
- 25 Jun ke Mukim Bangar, Temburong.
- 30 Jun ke Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei - Muara.



Majlis Pelancaran Program Pengibaran Bendera, Mukim Peramu dan Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara



Majlis Pelancaran Program Pengibaran Bendera, Mukim Seria, Kuala Belait.



Majlis Pelancaran Program Pengibaran Bendera, Mukim Bangar, Daerah Temburong.



Majlis Pelancaran Program Pengibaran Bendera, Mukim Kudang, Daerah Tutong.

Pegawai Penyelaras Media (MRO) yang bertugas pada bulan Jun

Media Relations Officer (MRO) adalah merupakan perkhidmatan yang banyak membantu pergerakan kepada media-media yang membuat liputan dan penggambaran bila mana ada acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta kerabat diraja.

MRO akan siap sedia untuk bertugas pada masa yang dikehendaki dan pada masa bukan waktu pejabat tidak kira waktu siang atau malam.



Gambar sumbangan: Faridah Haji Kaderi Bahagian Perkhidmatan Media

3 Jun	Hari Tenaga di Seri Kenangan Daerah Tutong.
6 Jun	Hari Tenaga di Dewan Kemasyarakatan Kampong Pandan, Kuala Belait.
10 Jun	Hari Tenaga di Kompleks Bumiputera Bangar, Daerah Temburong.

Ucapan Tahniah Kenaikan Pangkat

Awang Haji Md Hassan bin Haji Ismail, Penolong Pegawai Penerangan telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Penerangan. Beliau akan ditempatkan di Cawangan Penerangan Daerah Temburong bagi mengetuai cawangan tersebut.

Awang Abdullah bin Haji Awang Damit, Jurugambar Tingkat I, telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai Foto Tingkat II.

Awang Masri bin Osman, Jurugambar Tingkat I, telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai Foto Tingkat II.

Selamat Pengantin Baru

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada Awang Haji Liman bin Haji Rahim sempena perkahwinan anak beliau, Awang Mohd. Sadzly bin Wahid dengan pasangannya, Dayang Norbahini binti Morshidi pada 21 Jun.

Selamat Hari Lahir

Awang Adanan bin Haji Jbrahim	6 Jun
Awang Haji Jaafar bin Haji Jbrahim	10 Jun
Dayang Hajah Zainit binti Haji Noorhan	10 Jun
Dayang Noorajjah binti Haji Mohammad	16 Jun
Awang Haji Hassan bin Haji Ismail	16 Jun
Awang Zainuddin bin Muhammad Hussein	17 Jun
Dayang Jennifer Foo Lan Fak	18 Jun
Awang Mohd. Zul-Jzzi bin Haji Duraman	21 Jun
Dayang Hajah Norliha binti Haji Salleh	26 Jun
Awangku Amirul Nizam bin Pg. Hj. Mohd. Ali	26 Jun
Awang Mohd. Abdul Kafi bin Haji Sulaiman	29 Jun
Dayang Hajah Umi Kalthum binti Hj. Ali Hussein	30 Jun
Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya	30 Jun

Aksi-aksi sepanjang Pameran Pelancaran Pelan Strategik E-Kerajaan 2009-2014



Gambar sumbangan:

Ismale Haji Abd Rahman, Bahagian Perhubungan Awam.
Haji Masrin bin Baharin, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa.
Dk Nor'asrinawati Pg, Hj. Kamaruddin, Bahagian Berita Ingeris & Media IT.

Aksi Kucing